**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 20 APRIL 2017 (KHAMIS)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - MPAJ, AADK cungkil bakat baru bola tampar | 39 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>20 APRIL 2017 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | MPAJ, AADK cungkil bakat baru bola tampar |
| Muka Surat | 39 |

# MPAJ, AADK cungkil bakat baru bola tampar

AMPANG – Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gombak muncul juara dalam Pertandingan Bola Tampar Antara Sekolah Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 2017 yang berlangsung di Sekolah Menengah Pandan Indah, di sini, kelmarin.

Pertandingan yang dianjurkan dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Ampang itu menyaksikan 31 pasukan dari sekolah menengah kebangsaan di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur berentap dalam kejohanan julung kali diadakan itu.

AADK dalam kenyataannya berkata, pertandingan selama dua hari itu diadakan sempena sambutan Jubli Perak MPAJ.

> *Kejohanan ini juga dapat memberikan peluang kepada semua pelajar yang berbakat dan berpotensi dalam sukan itu untuk digilap ke tahap yang lebih tinggi.*"
> 
> \- AADK

SH 20/4/17 MS 39.

"Kejohanan ini dapat memupuk semangat kesukanan pelbagai kaum serta mampu mencungkil bakat baru.

"Kejohanan ini juga dapat memberikan peluang kepada semua pelajar yang berbakat dan berpotensi dalam sukan itu untuk digilap ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

SMK Sri Gombak membawa pulang hadiah RM500 beserta piala iringan dan medal, Sekolah Menangah Kuala Selangor yang muncul Naib Johan menerima RM400 dan medal, Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Maju pula hanya menduduki tempat ketiga.



Antara para pelajar yang terlibat dalam kejohanan bola tampar